

PERANAN KERAJAAN TEMPATAN

1. Kerajaan Tempatan ialah kerajaan peringkat ketiga yang diberikan kuasa mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah **kawasan tempatan** atau daerah kecil yang diwartakan.
2. Dikenali sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan** (PBT) dan berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri.
3. Merupakan **perantara** antara **Kerajaan Negeri** dengan **rakyat**.
4. Berperanan memberikan **perkhidmatan** kepada penduduk setempat.
5. Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan oleh **Akta Kerajaan Tempatan 1976** (Akta 171) merangkumi semua jenis Kerajaan Tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.
 - (a) Mengindahkan kawasan
 - (b) Menyenggara jalan raya
 - (c) Menjaga kesihatan awam
 - (d) Menyenggara sistem saliran
 - (e) Menyediakan kemudahan awam
 - (f) Membangunkan perumahan awam
 - (g) Menyediakan perkhidmatan kecemasan
 - (h) Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja
 - (i) Menyediakan perkhidmatan pembersihan
 - (j) Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat
 - (k) Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan

